

Keberkesanan Jenis Bahan Bantu Mengajar dalam Pengajaran
Bahasa Melayu: Sorotan Literatur Bersistematik
Bagi Tempoh 2023-2024

The Effectiveness of Types of Teaching Aids in Malay Language Instruction:
A Systematic Literature Review for The Period 2023-2024

Samsiyah Malaheng¹

(Received: Oct 31, 2024; Revised: Apr 08, 2025; Accepted: Dec 08, 2025)

ABSTRAK

Kajian ini merupakan satu sorotan literatur bersistematik bagi tempoh 2023-2024 yang bertujuan untuk menilai keberkesanan pelbagai jenis bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran Bahasa Melayu berdasarkan kajian-kajian lepas. Sebanyak tujuh kajian telah dianalisis, melibatkan satu kajian dengan pelajar sekolah rendah, tiga kajian dengan pelajar sekolah menengah, satu kajian dengan pelajar universiti dan dua kajian melibatkan guru. Dapatan menunjukkan bahawa, bagi pelajar sekolah rendah, penggunaan bahan berasaskan KOMSAS mampu meningkatkan pemahaman teks, pemikiran kritis dan minat terhadap bahan bacaan. Bagi pelajar sekolah menengah, gamifikasi dan teknologi maklumat didapati berkesan dalam meningkatkan motivasi, tumpuan serta penglibatan aktif semasa pembelajaran. Di peringkat universiti pula, e-gamifikasi meningkatkan tahap kefahaman konsep, kemahiran sendiri dan interaksi dalam talian. Sementara itu, bagi guru, penggunaan peta minda i-Think menyokong perancangan P&P yang lebih bersistematik, kreatif dan terancang. Secara keseluruhan, BBM berasaskan teknologi dikenal pasti sebagai trend yang paling dominan dan berpotensi tinggi dalam pengajaran Bahasa Melayu. Kajian ini dapat menjadi rujukan dalam memilih BBM yang sesuai mengikut keperluan dan tahap pembelajaran.

Kata Kunci: *Bahan bantu mengajar, bahasa Melayu, Sorotan Literatur Sistematik*

ABSTRACT

This study is a systematic literature review conducted for the period of 2023-2024 with the aim of evaluating the effectiveness of various types of teaching aids (BBM) used in

¹ Department of Malay Language, Faculty of Humanities and Social Sciences, Thaksin University. (Corresponding author / Email: samsiyah@tsu.ac.th)

the teaching of the Malay language based on previous research. A total of seven studies were analysed, comprising one study involving primary school pupils, three studies involving secondary school students, one study involving university students and two studies involving teachers. The findings reveal that for primary school pupils, the use of KOMSAS-based materials enhances text comprehension, critical thinking and interest in reading. For secondary school students, gamification and information technology have proven effective in increasing motivation, focus and active engagement during learning. At the university level, e-gamification improves conceptual understanding, self-directed learning skills, and online interaction. Meanwhile, for teachers, the use of i-Think mind maps supports more systematic, creative and well-structured lesson planning. Overall, technology-based teaching aids emerge as the most dominant and highly promising trend in the teaching of the Malay language. This review can serve as a reference for selecting appropriate teaching aids according to the needs and learning levels of different learner groups.

Keyword: *Teaching Aids, Malay Language, Systematic Literature Review*

Pengenalan

Bahan bantu mengajar (BBM) didefinisikan sebagai alat pembelajaran yang digunakan untuk mencapai tujuan pembelajaran. Fungsinya adalah untuk memudahkan pencapaian tujuan pembelajaran (Rabaah Abdullah et al., 2021). Menurut Nur Hana Kamarudin et al. (2022) menyatakan bahawa penggunaan BBM dalam proses pengajaran dan pembelajaran (P&P) merupakan salah satu faktor yang penting dalam mencapai objektif P&P. Oleh hal yang demikian, ia mampu merangsang minat dan perhatian pelajar serta meningkatkan keberkesanan proses pembelajaran. Bagi tenaga pengajar, strategi, kaedah atau teknik pengajaran akan bersifat konkrit dan pelbagai mengikut keadaan dan situasi pengajaran. Antar ciri yang membawa kepada BBM yang berkesan dalam pengajaran adalah inisiatif guru menggunakan segala bahan dan sumber yang tersedia (Charles Luming Libau & Ying-Leh Ling, 2020).

Penggunaan BBM dalam proses P&P memainkan peranan yang penting dalam memastikan penyampaian maklumat berkaitan mata pelajaran menjadi lebih jelas, sistematik dan mudah diikuti oleh pelajar (Noorazman Abd Samad et al., 2018). Penggunaan BBM yang sesuai, guru dapat menjelaskan konsep yang kompleks dengan lebih efektif menjadikan pembelajaran lebih menarik dan interaktif. BBM juga mempermudah proses pemahaman pelajar kerana ia menyediakan visualisasi yang lebih mudah. Secara tidak langsung dapat meningkatkan motivasi dan minat pelajar untuk mendalami subjek yang diajar, terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Oleh itu, guru perlu berusaha

untuk memenuhi keperluan dan kebolehan pelajar dalam memilih BBM dari pelbagai sumber. Pemilihan BBM yang sesuai daripada pelbagai sumber mampu menarik minat pelajar dan meningkatkan kefahaman pelajar tentang sesuatu topik.

Dalam beberapa tahun terakhir, terdapat peningkatan yang ketara dalam penggunaan BBM dalam pendidikan, terutamanya dengan kemajuan teknologi seperti komputer dan aplikasi pembelajaran telah membolehkan guru mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih kreatif dan menarik. Selain itu, multimedia seperti video, animasi dan simulasi memberikan visualisasi yang lebih jelas tentang konsep yang sukar menjadikannya lebih mudah difahami oleh pelajar.

Tanpa penggunaa BBM, pengajaran bahasa Melayu menghadapi pelbagai cabaran yang boleh mengganggu proses pembelajaran. Salah satunya, iaitu kesukaran pelajar untuk memahami konsep, struktur ayat dan sebagainya. Selain itu, kurangnya minat pelajar dalam pembelajaran bahasa juga boleh menjadi isu besar. Tanpa bahan yang menarik, pelajar akan merasa bosan dan kurang terlibat dalam proses pengajaran. Oleh itu, kajian tentang keberkesanan BBM menjadi penting untuk menunjukkan bagaimana BBM yang dapat mengatasi cabaran-cabaran ini, meningkatkan pemahaman dan menarik minat pelajar terhadap bahasa Melayu.

Kajian yang dijalankan ini dapat memberikan panduan serta idea untuk memilih BBM yang sesuai dengan tahap pelajar, terutamanya dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Pemilihan BBM yang tepat dapat membantu guru merancang pengajaran yang lebih berfokus dan menarik. Selain itu, hasil kajian ini juga dapat membantu institusi pendidikan dalam menyusun strategi pengajaran yang lebih berkesan, di mana BBM digunakan untuk menarik minat pelajar dan meningkatkan pemahaman mereka dalam mata pelajaran Bahasa Melayu. Namun begitu, kebanyakan kajian yang dijalankan masih menilai penggunaan BBM secara umum tanpa membezakan keberkesanan jenis BBM mengikut tahap pendidikan atau kumpulan pengguna seperti pelajar sekolah rendah, sekolah menengah, pelajar universiti dan guru. Kekurangan ini menimbulkan keperluan untuk menilai semula bukti secara sistematik agar dapat mengenal pasti jenis BBM yang paling berkesan mengikut konteks pembelajaran Bahasa Melayu. Walaupun banyak kajian menunjukkan manfaat BBM, tetapi masih terdapat kekurangan bukti sistematik mengenai jenis BBM yang paling berkesan dalam meningkatkan pembelajaran bahasa Melayu. Oleh itu, kajian ini berusaha untuk menyusun bukti tersebut melalui sorotan literatur yang bersistematik.

OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan bertujuan untuk menganalisis jenis BBM yang paling berkesan dalam pengajaran bahasa Melayu.

SOROTAN LITERATUR


Untuk mengenal pasti keberkesanan penggunaan BBM dalam meningkatkan kemahiran bahasa Melayu, Sorotan Literatur Bersistematik (SLR) telah dijalankan. SLR adalah kajian yang memerlukan pembentukan persoalan kajian yang jelas dengan menggunakan kaedah sistematik dan eksplisit dalam mengenal pasti, memilih, menilai, mengumpulkan dan menganalisis data daripada kajian yang lepas (Moher et al., dalam Nur Aina Hanis Hamzah & Riyan Hidayat, 2022). Selain itu, kajian literatur bersistematik ini juga bertujuan untuk mencari dan mensintesis maklumat melalui penyelidikan yang dijalankan dengan menggunakan prosedur yang tersusun, telus dan boleh ditiru melalui langkah yang dijalankan.

Terdapat lima frasa yang digunakan dalam kajian ini seperti yang diterangkan oleh Khan et al. (2003). Langkah pertama ialah penyelidik akan menetapkan persoalan kajian untuk menentukan masalah yang ingin dikaji. Persoalan kajian mestilah jelas. Langkah kedua adalah memastikan kajian relevan dan mempunyai bukti yang sahih sebelum melalui proses tapisan berdasarkan kriteria yang dikehendaki serta melalui carian yang luas daripada pelbagai sumber. Langkah ketiga adalah menilai kualiti kajian dari aspek metodologi kajian sama ada kajian tersebut diterima atau ditolak. Langkah ke empat adalah menghasilkan rumusan berdasarkan bukti-bukti yang telah dikumpulkan dan langkah kelima merupakan proses mentafsir dapatan kajian. Model PRISMA akan digunakan dalam kajian ini bagi memastikan kajian adalah pada tahap kualiti dan melalui proses yang teliti (Page et al., 2021).

Persoalan kajian yang dipilih adalah berdasarkan kepada pandangan Kitchenham (2007) yang mengatakan bahawa penyelidik mengalami kesukaran untuk mengkaji keseluruhan artikel berkaitan BBM. Oleh itu, penyelidik perlu menentukan jangka masa atau tempoh memilih artikel untuk dikaji berdasarkan pandangan yang dikemukakan oleh (Okoli & Schabram, 2012 dalam Azizah Arshad & Dahlia Janan, 2022). Dalam kajian ini, penyelidik memilih tempoh kajian bermula pada tahun 2023-2024 dengan menggunakan dua enjin carian dalam pangkalan data, iaitu “Google Scholar” dan “MyCite”. Pemilihan dua pangkalan data utama, iaitu Google Scholar dan MyCite kerana kedua-dua pangkalan data ini mempunyai kemampuan untuk menyediakan data yang diperlukan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini menggunakan kaedah tinjauan sistematik (*Systematic Literature Review*). Bagi SLR bagi menganalisis sumber-sumber yang berkaitan dengan BBM khas dari jurnal yang diterbitkan tahun 2023-2024. Saringan artikel berdasarkan model PRISMA adalah seperti Rajah 1.



Rajah 1: Carta Alir Proses Sorotan Literatur Bersistematik Berdasarkan Model PRISM

Berdasarkan saringan yang telah dilakukan oleh penyelidik, sejumlah tujuh artikel yang telah dipilih. Lima tema akan dikembangkan dalam kajian ini, iaitu tajuk kajian, reka bentuk dan instrument kajian, peserta kajian, jenis-jenis BBM dan kesan penggunaan BBM.

Dalam kajian ini, saringan telah dilakukan terhadap 4,545 artikel yang dipilih menurut kriteria pemilihan secara automatik daripada pangkalan data. Penyelidik telah menggunakan

kata kunci yang lebih khusus, iaitu “bahan bantu mengajar” bagi mengkhususkan pencarian dalam pangkalan data.

Setelah itu, penyelidik akan memastikan semua artikel yang telah disaring bersesuaian dengan kriteria yang dipilih. Proses pencarian artikel dalam pangkalan data yang dipilih setelah disaring membawa kepada artikel 389 artikel ini ditelaah oleh penyelidik untuk menentukan artikel yang paling sesuai untuk menilai BBM dalam pengajaran bahasa Melayu. Proses ini akan dilakukan dengan membaca tajuk dan abstrak artikel. Penyelidik telah mengecualikan 171 artikel kerana tidak menepati kriteria yang hendak dikaji serta tidak menjawab persoalan kajian. Antara artikel yang dikecualikan adalah artikel yang mengulas serta membuat perbincangan mengenai BBM, iaitu sebanyak 18 artikel. Hasilnya saringan tersebut, penyelidik memilih hanya 7 artikel untuk menganalisis jenis BBM yang paling berkesan dalam pengajaran bahasa Melayu.

HASIL KAJIAN

Hasil kajian diperincikan seperti berikut:

Tajuk Kajian

Terdapat tujuh kajian yang melaksanakan kajian berkaitan BBM yang menunjukkan keberkesanan dalam pengajaran bahasa Melayu. kajian-kajian ini menilai kesan BBM terhadap pelbagai aspek seperti peningkatan pemahaman, motivasi pelajar dan penglibatan aktif dalam kelas. Hasil daripada kajian-kajian tersebut menunjukkan bahawa penggunaan BBM dapat membantu dalam peningkatan prestasi pelajar dan mendorong penglibatan yang lebih berkesan, terutamanya dalam pembelajaran kemahiran bahasa yang melibatkan pemahaman mendalam dan interaksi aktif. Tajuk kajian ini ditunjukkan dalam Jadual 1.

Jadual 1: Tajuk Kajian

Penyelidik	Tajuk
Savasanggari Saktianayakan et al. (2023)	Amalan kaedah didik hibur dalam pengajaran guru bahasa Melayu sekolah jenis kebangsaan
Nur Syuhada Mat Husin & Zamri Mahamod (2023)	Tahap minat dan persepsi pelajar sekolah menengah rendah terhadap penggunaan bahan pembelajaran gamifikasi dalam mata pelajaran bahasa Melayu.
Abdul Rasid Jamian (2023)	Penggunaan bahan komponen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu

Nur Syuhada Mat Husin (2023)	Minat pelajar sekolah menengah rendah terhadap penggunaan bahan pembelajaran gamifikasi dalam mata pembelajaran Bahasa Melayu.
Akmal Idrus & Crispina Gregory K Han (2023)	Persepsi guru novis bahasa Melayu terhadap pengaplikasian peta pemikiran I-Think dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu
Shaza Shahira Drani et al. (2023)	Persepsi mahasiswa pendidikan terhadap penggunaan e-gamifikasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu
Muhammad Syafiq Rusli et al. (2024)	Sosiokognitif pelajar terhadap penggunaan teknologi maklumat dalam mata pelajaran bahasa Melayu di sekolah menengah kebangsaan kawasan Lambah Klang

Reka bentuk dan intrumen kajian

Reka bentuk kajian telah dianalisis menggunakan kaedah deskriptif, iaitu bagi mendapatkan jumlah peratusan. Hasilnya, mendapati bahawa sebanyak tiga kajian menggunakan pendekatan kualitatif yang memfokuskan kepada kaedah temu bual untuk memahami prestasi dan pengalaman terhadap penggunaan BBM. Empat kajian menggunakan pendekatan kuantitatif dengan kaedah soal selidik dan eksperimen bagi mengukur kesan BBM terhadap pencapaian pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu. Keseluruhan analisis menunjukkan bahawa kajian kualitatif memberikan maklumat mendalam mengenai pengalaman pembelajaran pelajar dan guru. Manakala, kajian kuantitatif membolehkan penilaian seara statistik yang menunjukkan perubahan prestasi dan keberkesanan BBM. Reka bentuk kajian dikemukakan dalam Jadual 2.

Jadual 2: Reka bentuk dan instrumen kajian

Penyelidik	Kualitatif	Kuantitatif	Gabungan
Savasanggari Saktianayakan et al. (2023)	x		
Nur Syuhada Mat Husin & Zamri Mahamod (2023)		x	
Abdul Rasid Jamian (2023)		x	
Nur Syuhada Mat Husin (2023)		x	
Akmal Idrus & Crispina Gregory K Han (2023)	x		
Shaza Shahira Drani et al. (2023)	x		
Muhammad Syafiq Rusli et al. (2024)		x	

Perserta kajian

Peserta kajian yang terlibat dalam kajian BBM ini terdiri daripada pelbagai kumpulan bagi memperoleh pandangan yang menyeluruh terhadap keberkesanan penggunaan BBM

dalam pengajaran bahasa Melayu. Antara kumpulan peserta yang terlibat termasuk guru, pelajar universiti, pelajar sekolah menengah dan pelajar sekolah rendah. Jumlah peserta yang terlibat dalam kajian tentang BBM ditunjukkan seperti Jadual 3. Analisis bilangan dan latar belakang peserta dalam kajian memberikan gambaran lebih mendalam tentang populasi yang terlibat dan membantu mengenal pasti kumpulan yang paling banyak atau kurang didedahkan kepada BBM dalam konteks pembelajaran bahasa Melayu.

Jadual 3: Peserta Kajian

Penyelidik	Jumlah peserta	Peserta kajian
Savasanggari Saktianayakan et al. (2023)	103 orang	Guru sekolah jenis kebangsaan di daerah Jasin, Melaka.
Nur Syuhada Mat Husin & Zamri Mahamod (2023)	108 orang	Pelajar sekolah menengah rendah, daerah Besut, Terengganu
Abdul Rasid Jamian (2023)	120 orang	Murid tingkatan 4 dari sekolah menengah tinggi Chuang Hua, Seremban.
Nur Syuhada Mat Husin (2023)	108 orang	Pelajar sekolah menengah rendah, daerah Besut, Terengganu
Akmal Idrus & Crispina Gregory K Han (2023)	5 orang	Guru bahasa Melayu, daerah Sipitang, Sabah
Shaza Shahira Drani et al. (2023)	30 orang	Mahasiswa bidang pendidikan bahasa Melayu.
Muhammad Syafiq Rusli et al. (2024)	50 orang	Pelajar sekolah menengah kebangsaan di kawasan Lembah Klang.

Jenis-jenis BBM

Berikut merupakan jenis-jenis BBM yang digunakan oleh peserta kajian dalam usaha meningkatkan P&P bahasa Melayu. Terdapat beberapa jenis BBM yang digunakan dalam kajian ini. Antaranya ialah (1) didik hibur yang menggabungkan elemem hiburan dalam pembelajaran bagi mengekalkan minat pelajar, (2) gamifikasi yang memperkenalkan unsur permainan untuk meningkatkan penglibatan dan motivasi pelajar, (3) bahan KOMSAS digunakan sebagai sumber teks sastera untuk memberi pelajar pendedahan kepada bahasa dan budaya melalui karya sastera yang berpotensi memperkayakan kosa kata dan pemahaman budaya dalam kalangan pelajar, (3) peta pemikiran i-Think digunakan untuk

pelajar menyusun idea secara visual dan memahami konsep berstruktur yang sangat berguna dalam membina kemahiran berfikir kritis, (4) e-gamifikasi yang menggabungkan elemen gamifikasi dengan penggunaan alat digital dan membolehkan pelajar mengakses kandungan interaksi secara dalam talian dan (5) teknologi maklumat digunakan secara meluas bagi menyediakan pelajar dengan pelbagai sumber pembelajaran dalam format digital yang boleh diakses pada bila-bila masa. Penggunaan teknologi ini menyokong pengajaran bahasa Melayu yang lebih dinamik dan sejajar dengan perkembangan teknologi masa kini. Setiap jenis BBM memainkan peranan penting dalam menyokong keperluan pembelajaran yang berbeza dalam kalangan pelajar.

Jadual 4: Jenis-jenis BBM

Penyelidik	BBM
Savasanggari Saktianayakan et al. (2023)	Didik hibur
Nur Syuhada Mat Husin & Zamri Mahamod (2023)	Gamifikasi
Abdul Rasid Jamian (2023)	Bahan KOMSAS
Nur Syuhada Mat Husin (2023)	Gamifikasi
Akmal Idrus & Crispina Gregory K Han (2023)	Peta pemikiran i-Think
Shaza Shahira Drani et al. (2023)	e-gamifikasi
Muhammad Syafiq Rusli et al. (2024)	Teknologi maklumat

Kesan BBM

Dalam kajian ini, didapati bahawa pelbagai jenis BBM yang digunakan oleh pengakaji bagi mempertingkatkan kualiti pembelajaran bahasa Melayu. Bahagian ini akan membincangkan tentang kesan-kesan BBM tersebut terhadap aspek pembelajaran dan pencapaian pelajar. Kesan-kesan BBM telah dipaparkan dalam jadual 5.

Jadual 5: Kesan Penggunaan BBM

Penyelidik	Kesan BBM
Savasanggari Saktianayakan et al. (2023)	Guru bahasa Melayu sekolah jenis kebangsaan di daerah Jasin, Melaka mempunyai tahap amalan kaedah didik hibur pada tahap sederhana.
Nur Syuhada Mat Husin & Zamri Mahamod (2023)	Tahap minat dan persepsi pelajar terhadap penggunaan bahan pembelajaran gamifikasi

	dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah tinggi.
Abdul Rasid Jamian (2023)	Pelajar tidak meminati KOMSAS kerana pengajaran guru membosankan.
Nur Syuhada Mat Husin (2023)	Tahap minat pelajar sekolah menengah rendah terhadap penggunaan bahan pembelajaran gamifikasi dalam mata pelajaran Bahasa Melayu adalah tinggi.
Akmal Idrus & Crispina Gregory K Han (2023)	Persepsi positif guru novis bahasa Melayu terhadap pengaplikasian peta pemikiran i-Think dalam P&P bahasa Melayu.
Shaza Shahira Drani et al. (2023)	Penggunaan e-gamifikasi dalam P&P bahasa Melayu memiliki persepsi positif yang boleh meningkatkan motivasi intrinsic, semangat bekerjasama, persaingan yang sihat dan meningkatkan ilmu pengetahuan pelajar.
Muhammad Syafiq Rusli et al. (2024)	Penggunaan teknologi maklumat dalam mata pelajaran bahasa Melayu dapat menunjukkan bahawa sikap pelajar berada pada tahap positif. Pelajar dapat menggunakan pelbagai aplikasi dalam bahasa Melayu secara visual yang dapat meningkatkan minat pelajar dalam pembelajaran.

PERBINCANGAN KAJIAN

Bahagian ini akan membincangkan dapatan utama kajian mengenai penggunaan BBM dalam pembelajaran bahasa Melayu dengan memberi tumpuan kepada kesan-kesan BBM terhadap pembelajaran dan pencapaian pelajar. Dapatan kajian ini dibandingkan dengan hasil kajian lepas bagi mengenal pasti persamaan, perbezaan dan implikasi terhadap amalan pengajaran. Selain itu, bahagian ini turut mengupas kekuatan dan kelemahan BBM yang telah dikenal pasti cadangan untuk kajian masa hadapan.

Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian-kajian berkaitan BBM memainkan peranan penting dalam menentukan hasil yang diperolehi. Dalam kajian ini, pendekatan kualitatif dan kuantitatif telah diaplikasikan untuk memperoleh perspektif yang

komprehensif. Pendekatan kualitatif yang digunakan dalam tiga kajian bertujuan untuk memahami prestasi dan pengalaman pelajar serta guru mengenai penggunaan BBM dengan melalui temu bual Savasanggari Saktianayakan et al. (2023). Akmal Idrus & Crispina Gregory K Han (2023), dan Shaza Shahira Drani et al. (2023). Manakala pendekatan kuantitatif yang digunakan dalam empat kajian membolehkan pengukuran kesan BBM terhadap prestasi pelajar dalam bahasa Melayu melalui soal selidik Nur Syuhada Mat Husin & Zamri Mahamod (2023), Abdul Rasid Jamian (2023), Nur Syuhada Mat Husin (2023) dan Muhammad Syafiq Rusli et al. (2024). Pendekatan ini memberikan data statistik yang menyokong analisis keberkesanan BBM secara objektif, terutamanya dalam aspek peningkatan pencapaian pelajar dan tahap motivasi mereka.

Selain itu, pemilihan subjek kajian dilihat lebih menyeluruh kerana tidak memfokuskan kepada golongan tertentu sahaja. Ini adalah kerana kajian yang telah dijalankan melibatkan murid sekolah rendah Abdul Rasid Jamian (2023), sekolah menengah Nur Syuhada Mat Husin (2023) Nur Syuhada Mat Husin & Zamri Mahamod (2023), Muhammad Syafiq Rusli et al. (2024), guru Savasanggari Saktianayakan et al. (2023), Akmal Idrus & Crispina Gregory K Han (2023) dan penuntut universiti Shaza Shahira Drani et al. (2023). Kepelbagaian kumpulan subjek kajian ini memberi pandangan yang lebih komprehensif mengenai keberkesanan BBM dalam pengajaran bahasa Melayu. data yang dikumpul daripada murid sekolah rendah dan menengah menunjukkan bagaimana BBM membantu dalam perkembangan awal dan pertengahan bahasa mereka. Manakala perspektif huruf pula, memberikan gambaran tentang keperluan dan cabaran dalam mengaplikasikan BBM di dalam bilik darjah dan pandangan penuntut universiti membolehkan kajian ini mencakupi pengalaman dan keperluan pembelajaran di peringkat tinggi. Di mana pendekatan yang lebih mendalam mungkin diperlukan untuk mengukuhkan kemahiran bahasa.

Bagi menjawab objektif kajian, penyelidik telah membuat penilaian tentang jenis-jenis BBM dan kesan-kesan penggunaan BBM dalam kajian yang dijalankan. Ini adalah kerana BBM boleh menggunakan pelbagai jenis bahan dan pendekatan bergantung kepada matlamat pengajaran dan kontes pembelajaran. Jenis-jenis BBM yang berbeza antaranya didik hibur yang dijalankan kajian oleh Savasanggari Saktianayakan et al. (2023) dan gamifikasi oleh Nur Syuhada Mat Husin & Zamri Mahamod (2023) didapati bahawa dapat menarik pelajar melalui elemen interaktif dan menyeronokkan dan mengekalkan tumpuan dan penglibatan aktif mereka dalam kelas. Menurut Mohd Rosmadi Mohd Salleh & Hafizhah Zulkifli (2020) menyatakan bahawa didik hibur dapat mengurangkan tahap kebimbangan dan

ketakutan pelajar kepada guru kerana konsepnya yang santai dan berhibur menjadikan pelajar sentiasa berada dalam keadaan pembelajaran yang positif.

BBM seperti KOMSAS oleh Abdul Rasid Jamian (2023) pula, memberikan pendedahan yang mendalam kepada aspek sastera dan budaya dalam bahasa Melayu. Kajian beliau menunjukkan bahawa penggunaan bahan sastera ini bukan sahaja meningkatkan kemahiran membaca dan pemahaman pelajar, tetapi ia juga memperkayakan pengalaman pembelajaran mereka. Melalui analisis karya sastera, pelajar dapat mengaitkan teks dengan konteks budaya dan sejarah yang lebih mendalam terhadap bahasa. Kajian yang dijalankan oleh Rozani Ahmad (2017), KOMSAS adalah bahan pengajaran yang menyokong sepenuhnya kompetensi guru merancang, melaksanakan dan mentaksirkan mengajar bahasa Melayu dalam kelas. Pendekatan ini selaras dengan prinsip pengajaran abad ke-21 yang menekankan kepentingan kemahiran berfikir, kreativiti dan keupayaan untuk mengaitkan pembelajaran dengan kehidupan sebenar.

Selain itu, peta pemikiran i-Think yang dijalankan oleh Akmal Idrus & Crispina Gregory K Han (2023), dalam kajian beliau telah mendapati bahawa penggunaan alat pemikiran ini pelajar dapat menyusun dan menganalisis idea dengan lebih sistematik. Ia juga dapat membantu pelajar dalam mengembangkan kemahiran berfikir kritis dan kreatif serta memudahkan mereka dalam memahami konsep-konsep yang kompleks. Pelajar lebih mampu untuk menyampaikan idea mereka dengan jelas dan teratur. Mohd Sirajuddin et al. (2022) peta minda merupakan suatu kaedah yang sesuai digunakan bagi memecah dan membahagikan ssesuatu maklumat supaya ianya lebih mudah difahami oleh pelajar. ayat dalam bentuk karangan yang Panjang dan berterusan adalah lebih sukar untuk difahami bernbanding kaedah peta minda. Oleh itu, peta pemikiran i-Think bukan sahaja berfungsi sebagai BMM tetapi juga sebagai kaedah yang meningkatkan keberkesanan pembelajaran bahasa Melayu.

Penggunaan e-gamifikasi Shaza Shahira Drani et al. (2023) dan teknologi maklumat Muhammad Syafiq Rusli et al. (2024) dalam pembelajaran bahasa Melayu juga menunjukkan kesan yang positif. Kajian beliau mendapati bahawa pendekatan ini meningkatkan motivasi pelajar dan memberi mereka peluang untuk belajar dalam persekitaran yang interaktif dan menarik. Pelajar lebih cenderung untuk terlibat secara aktif dan menglangi pengalaman pembelajaran mereka dan meningkatkan hasil pembelajaran.

Secara keseluruhannya, BBM e-gamifikasi dan teknologi maklumat dalam pengajaran bahasa Melayu membuktikan keberkesanan pembelajaran moden yang sesuai dengan kehendak dan keperluan pelajar abad ke-21. Pendekatan ini bukan Sahaja meningkatkan motivasi dan penglibatan pelajar tetapi juga menyokong mereka dalam menghasilkan

pembelajaran yang lebih baik. Oleh itu, adalah penting untuk pendidik terus meneroka dan mengadaptasi teknologi terkini dalam proses P&P untuk memastikan pembelajaran yang lebih efektif dan menyeronokkan.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, kajian ini menunjukkan bahawa penggunaan pelbagai jenis BBM memberikan impak yang signifikan terhadap proses pembelajaran bahasa Melayu dari aspek sastera dan budaya melalui KOMSAS hingga kepada alat pemikiran seperti peta minda i-Think, serta pendekatan interaktif seperti e-gamifikasi dan teknologi maklumat. Semua ini telah membuktikan meningkatkan motivasi, penglibatan dan pemahaman pelajar terhadap bahasa Melayu. BBM bukan Sahaja berfungsi sebagai bahan pengajaran tetapi juga sebagai pemangkin yang memperkayakan pengalaman pembelajaran pelajar. Dengan pendekatan yang berlainan ini, guru dapat merancang dan melaksanakan pengajaran yang lebih berkesan, memenuhi keperluan pelajar di pelbagai peringkat pendidikan dan pelajar dapat menguasai bahasa Meayu dengan baik.

Di samping itu, hasil sorotan ini juga mencadang agar kajian-kajian akan datang memberi tumpuan kepada penilaian keberkesanan BBM mengikut tahap pendidikan secara lebih terperinci, termasuk membandingkan impak BBM tradisional dan BBM berasaskan teknologi. Penyelidikan lanjutan juga wajar melibatkan kajian empirikal yang lebih mendalam seperti kaedah campuran (Mixed-method) bagi menilai keberkesanan BBM secara menyeluruh meliputi aspek motivasi, pembinaan kemahiran Bahasa dan pencapaian akademik.

SARANAN DAN CADANGAN

1. Implikasi Kajian

Kajian sorotan literatur bersistematik ini memberikan sumbangan penting dalam bidang pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu, khususnya berkaitan keberkesanan jenis bahan bantu mengajar bagi tempoh 2023 hingga 2024. Dapatan kajian ini memberikan gambaran menyeluruh tentang jenis bahan bantu mengajar yang telah digunakan serta tahap keberkesanan dalam meningkatkan pencapaian dan penglibatan pelajar dalam pembelajaran bahasa Melayu.

Selain itu, kajian ini memberi manfaat kepada guru bahasa Melayu dengan menyediakan rujukan berasaskan kajian terkini yang boleh dijadikan panduan dalam pemilihan dan penggunaan bahan bantu mengajar yang sesuai mengikut objektif pembelajaran. Kajian ini juga membantu pentadbir sekolah dan pihak berkepentingan dalam

pendidikan untuk merancang latihan professional guru serta menambah baik penyediaan sumber pengajaran, terutamanya dalam konteks integrasi teknologi dalam bilik darjah.

Di samping itu, kajian ini menyumbang kepada bidang penyelidikan pendidikan bahasa Melayu dengan menghimpunkan hasil dapatan kajian terdahulu secara sistematik, sekali gus membantu mengenal pasti trend semasa, jurang kajian dan kekangan yang wujud. Hal ini dapat dijadikan asas rujukan yang kukuh untuk penyelidikan lanjutan dalam bidang yang sama.

2. Cadangan untuk Kajian Selanjutnya

Kajian selanjutnya dicadangkan untuk diteruskan dalam tajuk yang sama, iaitu keberkesanan bahan bantu mengajar dalam pengajaran bahasa Melayu. Namun menggunakan reka bentuk kajian empirikal seperti eksperimen atau kuasi eksperimen bagi menilai secara langsung kesan penggunaan bahan bantu mengajar tertentu terhadap pencapaian murid.

Selain itu, kajian lanjutan boleh memfokuskan kepada jenis bahan mengajar yang lebih khusus, sama ada bahan bantu mengajar digital atau konvensional bagi mengenal pasti keberkesanannya terhadap kemahiran bahasa tertentu seperti membaca, menulis dan bertutur. Kajian juga boleh diperluaskan dengan melibatkan pelbagai peringkat pendidikan bagi melihat perbezaan keberkesanan bahan bantu mengajar berdasarkan pembelajaran pelajar.

RUJUKAN

- Abd Samad, N., Ahmad, W. M. R. W., Harun, H., Amiruddin, M. H., Hashim, S., & Jaâ, F. (2018). Bahan bantu mengajar (BBM) dalam pengajaran dan pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) daerah Pontian. *Online Journal for TVET Practitioners*. <https://publisher.uthm.edu.my/ojs/index.php/oj-tp/article/view/4808>
- Abdullah, R., Noorlizawati, W. M. A., & Jusoh, A. (2021). Penggunaan bahan bantu mengajar (BBM) dalam subjek tema “Penjajahan di Asia Tenggara pada abad ke-19”. *Jurnal Perspektif*, 11(1), 43-46.
- Ahmad, R. (2017). Keupayaan menggunakan KOMSAS sebagai kompetensi pengajaran guru bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 7(2), 65-76.
- Arsad, A., & Janan, D. (2022). Sorotan literatur bersistematik: Kesan kaedah mengajar bacaan ekstensif terhadap tabiat membaca. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(8), 1-19.

- Drani, S. S., Samsudin, N. H., & Omar, M. S. (2023). Persepsi mahasiswa pendidikan terhadap penggunaan e-gamifikasi dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 5(3), 16-32.
- Hamzah, N. A. H., & Hidayat, R. (2022). Peranan perisian geogebra dalam pendidikan matematik: Sorotan literatur bersistematik. *Jurnal Pendidikan Sains dan Matematik Malaysia*, 12(2), 24-38.
- Husin, N. S. M. (2023). Minat pelajar sekolah menengah rendah terhadap penggunaan bahan pembelajaran gamifikasi dalam mata pelajaran bahasa Melayu. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 13(2), 89-108.
- Husin, N. S. M., & Mahamod, Z. (2023). Tahap minat dan persepsi pelajar sekolah menengah rendah terhadap penggunaan bahan pembelajaran gamifikasi dalam mata pelajaran bahasa Melayu. *PENDETA*, 14(2), 131-145.
- Idrus, A., & Han, C. G. K. (2023). Persepsi guru novis bahasa Melayu terhadap pengaplikasian peta pemikiran i-think dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 8(4), 1-13.
- Jamian, A. R. (2023). Penggunaan bahan komponen sastera dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. *Rumpun Jurnal Persuratan Melayu*, 11(1), 89-99.
- Kamarudin, N. H., Khairuddin, K. F., & Mansor, A. Z. (2022). Penggunaan bahan bantu mengajar guru pendidikan khas dalam meningkatkan kemahiran matematik operasi darab. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(1), 175-183.
- Khan, K. S., Kunz, R., Kleijnen, J., & Antes, G. (2003). Five steps to conducting a systematic review. *Journal of the Royal Society of Medicine*, 96(3), 118-121.
- Libau, C. M., & Ling, Y. L. (2020, October). *Peranan bahan bantu mengajar dan persekitaran maklum balas dalam meningkatkan kualiti pembelajaran pelajar*. In *Kertas kerja. National Research Conference (NRIcon 2020)* (pp. 20-21).
- Page, M. J., McKenzie, J. E., Bossuyt, P. M., Boutron, I., Hoffmann, T. C., Mulrow, C. D., Shamseer, L., Tetzlaff, J. M., Akl, E. A., Brennan, S. E., Chou, R., Glanville, J., Grimshaw, J. M., Hróbjartsson, A., Lalu, M. M., Li, T., Loder, E. W., Mayo-Wilson, E., McDonald, S., ... Moher, D. (2021). The PRISMA 2020 statement: An updated guideline for reporting systematic reviews. *The BMJ*, 372. <https://doi.org/10.1136/bmj.n71>
- Rusli, M. S., Khairulanuar, B. N., Majinau, C., Perumalu, G., Paulus, J., & Kamrozzaman, N. A. (2024). Sosiokognitif pelajar terhadap penggunaan teknologi maklumat dalam mata pelajaran bahasa Melayu di Sekolah Menengah Kebangsaan Kawasan lembah Klang. *International Journal of Advanced Research in Education and Society*, 6(2), 731-746.

- Saktianayakan, S., Mahamod, Z., & Othman, N. (2023). Amalan kaedah didik hibur dalam pengajaran guru bahasa Melayu sekolah jenis kebangsaan. *Jurnal Penyelidikan Pendidikan dan Teknologi Melayasia*, 1(1), 3-14.
- Salleh, M. R. M., & Zulkifli, H. (2020). Penggunaan didik hibur dalam pendidikan Islam Sekolah Kebangsaan: Utilisation of edu-tainment in Primary Schools' Islamic Education. *Attarbawiy: Malaysian Online Journal of Education*, 4(2), 1-16.
- Sirajuddin, M., & Dahalan, S. C. (2022). Keberkesanan peta pemikiran (i-THINK) terhadap mata pelajaran sejarah dalam kalangan pelajar tingkatan 2. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(3), 1-11. <https://doi.org/10.47405/MJSSH.V7I3.1328>.